

# → HALAMAN KOTA

## ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

(FOTO FHARKHAN ABDUL GHAPAR/BH)



Anjing liar yang berkeliaran depan rumah mengancam keselamatan penduduk di Taman Setia Utama 1 dan 2, Setia Alam.

Fakta  
nombor

20 ANJING

liar dikesan  
berkeliraran

80 KELUARGA

diancam anjing liar

Sekumpulan anjing liar menyelongkar tong sampah mengotorkan kawasan persekitaran Taman Setia Utama 1 dan 2, Setia Alam.

## Penduduk cemas dikepung anjing liar

➔ Kumpulan haiwan cetus keresahan, ganggu aktiviti riadah warga Taman Setia Alam

Oleh Mohd Fharkhan Abdul Ghapar  
[bhnews@bh.com](mailto:bhnews@bh.com)

Shah Alam

Kira-kira 100 penduduk di Taman Setia Utama 1 dan 2, Setia Alam, di sini, hidup dalam kebimbangan diserang anjing liar yang berkeliaran di kawasan perumahan itu.

Penduduk mendakwa kumpulan anjing liar itu menjadikan kawasan perumahan baharu berkenaan sebagai lokasi mencari makanan berikutan banyak kejadian haiwan peliharaan penduduk diserang dan mati dibaham haiwan itu.

Lebih membimbangkan, turut berlaku kejadian penduduk dikejar dan diserang haiwan berkenaan

hingga mencetuskan rasa takut untuk mereka keluar dari kawasan rumah.

### Timbul masalah kebersihan

Selain mencetuskan ketakutan, anjing liar berkenaan turut menimbulkan masalah kebersihan dan kesihatan kerana menyelongkar tong sampah di situ.

Tinjauan *Halaman Kota* di kawasan perumahan berkenaan mendapati lebih 20 ekor anjing liar dewasa berkeliaran dalam beberapa kumpulan di kawasan kediaman itu. Haiwan berkenaan juga bersaiz besar dan garang.

Penduduk, Junida Abdul Rahim, 35, mendakwa dia pernah dikepung haiwan berkenaan ketika hendak masuk ke dalam rumah selain kucing peliharaannya mati dibaham.

"Ketika pulang ke rumah dan hendak membuka pagar, lima ekor anjing liar meluru ke arah saya. Saya amat takut dan terpaksa menelefon rakan serumah untuk membuka pintu pagar dan menghalau haiwan berkenaan."

"Malah pernah berlaku kejadian kucing peliharaan saya mati dibaham dan dimakan hidup-hidup depan mata saya. Saya amat trauma dengan kejadian itu," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Junida mendakwa, pelbagai aduan sudah dibuat kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) te-

tapi tiada sebarang tindakan diambil pihak berkuasa tempatan (PBT) itu bagi menangkap anjing liar berkenaan.

### MBSA tangkap secara berkala

Katanya, MBSA memberi alasan perkhidmatan menangkap anjing liar dilakukan secara berkala mengikut jadual lokasi yang ditetapkan.

"Kami faham ada prosedur tertentu bagi MBSA untuk menyelesaikan isu ini, tetapi sebagai PBT mereka juga harus bertindak pantas dan cekap terhadap aduan orang awam."

"Kita tidak mahu bila terjadi perkara buruk hingga menyebabkan kematian barulah mereka mahu bertindak," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Liza, 50, berkata kucing peliharaannya dibaham kumpulan anjing liar itu.

"Sejak tinggal di sini dua tahun lalu, kucing peliharaan kami banyak hilang. Anak lelaki pernah terserempak dengan sekumpulan anjing liar yang sedang memamah kucing kami."

"Sejak kejadian itu, kami kurung semua kucing dan jarang lepaskan mereka bermain di luar rumah, takut mati dibaham," katanya.

Apa yang nyata, kehadiran kumpulan anjing liar berkenaan menyukarkan penduduk untuk beriadah atau membenarkan anak



Kita tidak mahu bila terjadi perkara buruk hingga menyebabkan kematian barulah mereka mahu bertindak"

Junida Abdul Rahim,  
Penduduk



Saya terpaksa bawa dan simpan ketulan batu dalam kereta untuk menghalau haiwan itu"

Wardati Yahya,  
Penduduk

mereka bermain di luar rumah kerana khawtir diserang anjing liar itu.

### Jejas aktiviti riadah

Penduduk mendakwa, anjing liar di situ pernah mengejar orang awam yang berjoging, penunggang dan pembonceng motosikal.

Apa yang lebih membimbangkan, kumpulan haiwan itu juga semakin berani mendekati dan mengejar penduduk dan sering mengempung mereka yang hendak keluar dari kenderaan.

Wardati Yahya, 29, berkata, dia terpaksa menyimpan ketulan batu dalam kereta untuk menghalau haiwan berkenaan yang sering berkumpul di depan rumahnya.

"Setiap hari saya pulang ke rumah, anjing liar berkenaan pasti berkumpul di depan rumah. Saya terpaksa bawa dan simpan ketulan batu dalam kereta untuk menghalau haiwan itu."

"Masalah yang kami hadapi ini pada orang lain mungkin kecil, tapi ia membabitkan keselamatan penduduk," katanya.

Penduduk khawtir, kehadiran haiwan itu bukan sahaja mengancam keselamatan penduduk, malah ia mungkin membawa virus anjing gila dan penyakit berjangkit lain.

Difahamkan, anjing liar berkenaan datang dari beberapa kawasan projek pembinaan berhampiran perumahan itu.

\* Aduan telah didaftarkan di dalam Sistem Aduan Bersepadu (SAB).